

**SOALAN NO: 450**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN**  
**BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]**  
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah meninggal dunia akibat fenomena Zika yang sedang melanda masa kini dan apakah langkah-langkah pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini dan benarkah ia telah dikesan di Daerah Manjung.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bermula dari 31 Ogos 2016 sehingga 8 Oktober 2016 terdapat tujuh (7) kes Zika iaitu masing-masing dua (2) kes di Sabah dan Johor serta masing-masing satu kes di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Sarawak. Sehingga kini tiada pesakit di Malaysia yang meninggal dunia disebabkan penyakit Zika. Setakat ini, belum ada kes jangkitan Zika dikesan di daerah Manjung atau di negeri Perak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk mencegah penularan jangkitan virus Zika di negara ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telahpun mengambil langkah proaktif dengan mengedarkan Zika Alert Dan Arahan Pentadbiran Untuk Pemantauan Dan Pengurusan Jangkitan Virus Zika kepada semua

Jabatan Kesihatan Negeri, persatuan hospital dan makmal swasta serta Persatuan Perubatan Malaysia pada 4 Februari 2016 dan kemudian telah dikemaskini pada 11 September 2016. Berdasarkan Zika Alert Dan Arahan Pentadbiran tersebut, antara langkah-langkah yang perlu diambil bagi membendung penularan virus Zika di negara ini adalah seperti berikut:-

- i. Meningkatkan pemantauan untuk jangkitan virus Zika.
- ii. Melakukan aktiviti kawalan bagi kes disyaki jangkitan virus Zika dan kes yang disahkan di tempat mereka tinggal dan kawasan yang dilawati yang mana ia adalah sama seperti kawalan wabak denggi.
- iii. Melakukan pengesanan kes secara aktif dan aktiviti pencegahan dalam lingkungan 400 meter dari kediaman kes indeks.
- iv. Meningkatkan pemantauan kes *microcephaly* dan *Guillain-Barre Syndrome* akibat jangkitan virus Zika di hospital.
- v. Memberi pendidikan kesihatan bagi kes yang disyaki jangkitan virus Zika seperti cara melindungi diri dari gigitan nyamuk dan menggunakan repelen serta memakai pakaian yang bersesuaian.
- vi. Mengeluarkan garis panduan pemantauan dan respons di pintu masuk serta mengedarkan Nasihat Kesihatan (“Health Advisory”) kepada pelancong dan rakyat Malaysia sekiranya mempunyai gejala virus Zika.

- vii. KKM juga telah mengambil langkah-langkah berjaga-jaga bagi menangani isu jangkitan virus Zika setelah tamat acara sukan Olimpik dan Paralimpik di Brazil. Semua atlet dan pegawai dari kontinjen Malaysia telah disaring untuk Zika setelah pulang ke Malaysia. Tiada jangkitan Zika dari Brazil yang dikesan pada atlet dan pegawai kontinjen Malaysia.
- viii. Selain itu, aktiviti surveyan makmal dan di Pintu Masuk akan dipergiatkan.
- ix. Pakar pediatrik sedang melakukan penilaian kepada semua bayi yang baru lahir di 27 buah hospital untuk mendapatkan *baseline rate* bagi microcephaly dan untuk memastikan jika ada yang disebabkan oleh virus Zika.
- x. Jawatankuasa (*taskforce*) juga telah dibentuk dan mengeluarkan garis panduan bagi microcephaly, pengurusan ibu mengandung dan Gullain-Barre Syndrome serta melakukan pemantauan bagi kes-kes tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE-3, TAHUN 2016**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[INDERA MAHKOTA ]**

**SOALAN : 451**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan apakah terma rujukan bagi tugas-tugas Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan nyatakan kejayaan Jabatan ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

JASA berperanan untuk memberi penjelasan dan kefahaman kepada rakyat di setiap lapisan masyarakat tentang dasar-dasar Kerajaan dan isu-isu semasa melalui pelbagai medium iaitu komunikasi bersemuka, media baharu, media elektronik mahupun bahan bercetak. Secara umum fungsi JASA adalah seperti berikut:

- Merancang program dan aktiviti ke arah mendidik rakyat demi mengukuhkan semangat cintakan negara dan perpaduan ummah;

- Memantau isu-isu semasa dan membuat penyelesaian supaya rakyat faham dan jelas akan kedudukan sebenar;
- Memantau dan mengumpul sentimen-sentimen, isu-isu rakyat dan memberi maklumbalas kepada pihak Kerajaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya; dan
- Membuat penyelidikan dan menyediakan laporan analisis strategik mengenai sosio politik dan agama.